

31 DEC 2002

SOROTAN AKHIR TAHUN-BSKL/I

JANGKAAN PASARAN SAHAM LEBIH BAIK TAHUN 2003?

Oleh: Minggu Simon Lhasa

KUALA LUMPUR, 31 Dis (Bernama) -- Para pelabur mengharapkan keadaan pasaran yang lebih baik bagi Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) tahun depan, setelah melalui tahun yang memang mencabar tahun ini, akibat kebimbangan yang berterusan terhadap kemungkinan perang AS-Iraq, ketidak upaya ekonomi AS pulih seperti dijangka dan ditambah kebimbangan terhadap ancaman penganalisis yang berterusan di seluruh dunia.

Harapan mereka mungkin terlaksana kerana penanda aras Indeks Komposit (CI), yang dibantu oleh asas-asas ekonomi Malaysia, mempunyai potensi untuk melampaui 800 mata awal tahun depan.

Bagaimanapun, ketidak pastian yang berpanjangan di pasaran luar yang dibawa ke hadapan daripada tahun ini mungkin melembapkan BSKL, kata para penganalisis.

Oleh itu, CI yang meningkat kepada 800 mata adalah lebih merupakan kemungkinan dalam separuh kedua 2003 bukan sebaliknya dalam separuh pertama kerana pasaran mungkin dibuka lebih rendah pada 2 Januari 2003, kerana sentimen lemah berterusan dan kebimbangan para pelabur.

Bagaimanapun, penganalisis menjangka CI akan mengekalkan paras melebihi 600 mata dalam separuh pertama kecuali faktor-faktor luaran menjadi lebih buruk.

Sekiranya AS menyerang Iraq, dolar AS akan menjadi lemah, harga minyak akan melambung, yang akan melembapkan pertumbuhan ekonomi di seluruh dunia manakala serangan penganalisis seperti serangan di Bali pada 12 Oktober, akan juga memburukkan lagi keadaan.

Peristiwa-peristiwa besar tahun depan yang akan diikuti dengan teliti oleh para pelabur termasuk persaraan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelang Oktober dan pengambilalihan oleh timbalan beliau, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perpindahan kuasa yang lincin akan meningkatkan keyakinan pasaran, kata penganalisis itu.

Pasaran akan mencari tanda-tanda perubahan dasar, sungguhpun pada ketika ini, kerajaan telah menyatakan tidak akan ada sebarang perubahan besar.

Satu lagi peristiwa yang akan diperhatikan ialah demutualisasi BSKL menjelang Julai dan penyenaiaannya berikutnya menjelang akhir 2003.

Bilangan keseluruhan syarikat tersenarai pada 2002 meningkat kepada 868 buah daripada 812 syarikat pada 2001.

Terdapat 51 penyenaiaan baru (22 di Papan Utama, 22 di Papan Kedua dan tujuh di Pasaran Mesdaq) berbanding sejumlah 20 pada 2001.

Penyenaiaan-penyenaiaan utama pada 2002 ialah pengendali konsesi jalan raya PLUS Expressway Bhd dan syarikat telefon mudahalih nombor satu, Maxis Communications Bhd.

Sehingga 27 Dis, sejumlah 94 syarikat PN4 kini menghadapi prospek pembatalan senarai, bergantung kepada sekeras mana pihak berkuasa akan bertindak ke atas syarikat-syarikat yang bermasalah daripada segi kewangan.

Empat buah daripada syarikat-syarikat PN4 tidak berada di dalam sekatan dagangan, 24 di bawah sekatan dagangan dan 66 digantung.

Sesetengah daripada firma penyelamat mungkin menarik diri jika syarat-syaratnya tidak memuaskan, kata seorang peniaga.

"Jika itu berlaku adakah syarikat-syarikat berkenaan akan dibatalkan penyenaiaan," tanya beliau.

Katanya pasaran menjangka pihak berkuasa akan membuat penguatkuasaan

yang lebih keras pada 2003 untuk meningkatkan keyakinan terhadap pasaran di kalangan para pelabur.

CI, yang mengandungi 100 syarikat di Papan Utama, mengakhiri tahun ini pada 646.32, turun 49.77 mata atau 7.15 peratus daripada 696.09 pada penutup pada 31 Disember, 2001.

Indeks Emas seluruh Saham di Papan Utama merosot 7.98 mata atau 4.83 peratus daripada parasnya setahun lalu kepada 157.25, manakala Indeks Papan Kedua turun 35.89 mata atau 26.76 peratus kepada 98.24.

Walaupun pasaran menjanjikan banyak potensi untuk meningkat pada bahagian awal tahun ini kerana jangkaan pemulihan yang kukuh ekonomi AS, namun sebahagian besarnya tidak menjadi kenyataan.

Dengan itu, CI yang ditutup pada 808.07 pada 23 April iaitu penutupan paling tinggi bagi 2002, berada pada penurunan berterusan sejak itu dan memburukkan lagi ialah sesetengah dana asing keluar daripada pasaran.

Berikutan prestasi kukuh dalam empat bulan pertama tahun ini, keseluruhan saham yang diurusniagakan melalui pasaran biasa dan urusaniaga langsung pada 2002, meningkat kepada 62.74 bilion bernilai RM131.85 bilion daripada 54.95 bilion saham bernilai RM83.95 bilion pada 2001.

Keseluruhan permodalan pasaran setakat 31 Disember, 2002, berjumlah RM473.6 bilion, naik daripada RM464.99 bilion sehingga 31 Disember, 2001.--
BERNAMA

MSL SD OS